

# Malam Puisi Riong BH-IPG Kampus Bangi

Oleh Adli Shahar

adli@bharian.com.my

**Malam** Puisi Riong BH - Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam (Kampus Bangi), akan berlangsung di Dewan Besar Nik Mohyiden Musa, IPG Kampus Pendidikan Islam, Bandar Baru Bangi, pada 22 Februari ini, jam 8.30 malam.

Pensyarah Kokurikulum, Hal Ehwal Pelajar IPG Kampus Pendidikan Islam, Dr Mohamad Hussin M Yusof, berkata pihaknya bercahng mengentengahkan tema Islami pada Malam Puisi Riong BH-IPG dan ia dipersetujui BH selaku pe-

nganjur bersama.

## **Keperntingan beragama**

“Bertepatan dengan citra IPG Kampus Pendidikan Islam, kami mahu menerapkan kepentingan beragama dalam membentuk generasi akan datang negara ini pada program yang menyasarkan belia sebagai kelompok sasarannya,” katanya pada mesyuarat pusingan pertama Malam Puisi Riong BH-IPG di Balai Berita, Jalan Riong, Bangsar, kelmarin.

Mesyuarat hampir sejam setengah yang dipengerusikan Editor Sastera BH, Salbiah Ani, turut dihadiri Pensyarah Bahasa Melayu IPG Kampus Pendidikan Islam, Mastura

Mohamed Berawi; Pensyarah Hal Ehwal Pelajar IPG Kampus Pendidikan Islam, Dr Zaida Nor Zainudin; Ketua Jabatan Bahasa Melayu IPG Kampus Pendidikan Islam, Norzihan Adnan; Pensyarah IPG Kampus Pendidikan Islam, Mohd Noor Harun dan wartawan BH, Nazmi Yaakub, Adli Shahar dan Latifah Ariffin.

Dr Mohamad Hussin berharap, tema yang dipilih itu akan dapat memberi inspirasi kepada khalayak yang hadir pada malam itu termasuk dalam kalangan pelajar IPG sendiri untuk melihat Islam dari sisi yang lebih luas.

“Kami sedang menimbang barisan deklamator dan penghibur yang akan beraksi di pentas puisi pada malam terbabit memandangkan ramai yang menepati ciri ditetapkan dan bakal mengumumkannya pada mesyuarat pusingan kedua Malam Puisi Riong BH-IPG Kampus Bangi minggu depan,” katanya.

Bagaimanapun, antara yang dicadangkan pada masa ini ialah



Antara yang hadir mendengar Syarahan **Rumpun Melayu Teori Migrasi dan Diapora** di Dewan Kuliah Utama, USIM.

[FOTO AMIRUL NUBLI WAN AHMAD | BH]

penghijrahan rumpun Melayu itu masih belum muktamad, sekali gus memerlukan kajian lanjutan.

“Antara beberapa gelombang penghijrahan ini, ada kabilah yang tiba di Alam Melayu pada sekitar 3500 hingga 4500 Sebelum Masihi (SM), iaitu dua golongan bertaraf bangsawan.

“Golongan pertama ialah anak cucu keturunan Raja Khurus atau Cyrus the Great yang berasal dari Pars yang turut disebut dalam surah al-Kahfi sebagai Raja Zulkarnain,” katanya yang juga Pensyarah Fakulti Pengajian Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

### **Kesilapan pengarang**

Beliau berkata, pengarang *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* membuat kesilapan dengan mengaitkan keturunan raja Melayu yang tiba di Bukit Siguntang dengan Raja Iskandar Zulkarnain, iaitu putera Raja Phillips dari Makaduniah.

“Beliau sebenarnya Raja Khurus atau Cyrus the Great yang hidup pada zaman Nabi Ibrahim sekitar 5000 SM, manakala golongan kedua juga berstatus bangsawan yang juga zuriat keturunan Nabi Ibrahim.

“Kelompok kedua ini berhijrah ke arah timur dan memasuki alam Melayu ketika sebahagian dataran Pentas Sunda ditenggelami laut, sekali gus diberi nama, Bani Jawi oleh pengkaji dan penulis Arab,” katanya.

Prof Wan Hashim turut berkongsi pandangan yang menganggap Atlantis, iaitu benua yang didiami penduduk yang bertamadun tinggi, tetapi kemudian tenggelam ialah benua Sunda di Alam Melayu.

“Benua yang pernah disebut oleh ahli falsafah Yunani, Plato itu juga diyakini terletak di alam Melayu oleh dua penyelidik arkeologi, iaitu Prof Stephen Oppenheimer dari Universiti Oxford dalam bukunya, *Eden in the East* dan Prof Aryso Nunes dos Santos dari Brazil (*The Lost Continent Finally Found, The Definitive Localisation of Plato's Lost Civilisation*).

“Penelitian daripada pelbagai sudut seperti iklim, geologi, arkeologi, genetik, persekitaran semula jadi, landskap, pergerakan bumi dan air laut serta masa kejadian meyakinkan mereka bahawa gambaran tamadun manusia benua Atlantis itu amat dekat dengan fakta benua Sunda yang ditenggelami air laut antara 14,000 hingga 8,000 SM dulu,” katanya.

Bagaimanapun, Prof Wan Hashim menegaskan, dapatan dan hujah Oppenheimer serta Santos itu hanya diterima sebagai salah satu kemungkinan dan alternatif terhadap lokasi yang pernah dicadangkan sebelum ini.

“Kajian lanjutan perlu dilakukan bagi memperoleh bukti tambahan sebelum ia dimuktamadkan tetapi ia kerja yang sukar kerana bahan buktinya berada jauh di bawah dasar laut,” katanya.



**GODAM**  
Salbiah Ani

dahiya@nstp.com.my

Pensyarah Jabatan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsuddin Othman; penyanyi nasyid Mohammad Hafiz Hamidun; Pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Bahasa Melayu, Raja Rajeswari Seetha Raman dan Bekas Editor Pembangunan Sastera dan Budaya BHBS, Sutung Umar RS.

### **Peserta rancangan**

“Kami turut berharap dapat mengetengahkan peserta rancangan realiti televisyen, Imam Muda, Hizbur Rahman; Kumpulan Safiya; Kumpulan Kawan; Kumpulan Mohram dan peserta rancangan realiti Ustazah Pilihan, Firuz Akhtar Bukhari, pada acara berkenaan.

“Beberapa pegawai IPG Kampus Bangi dan Kementerian Pelajaran serta pelajar kami akan turut diketengahkan di pentas puisi pada malam terbabit, di samping Pengerang Kumpulan BH, Datuk Mior



Salbiah berbincang dengan Dr Mohamad Hussin, Mas-tura, Dr Zaida dan Noorzihan pada **Mesyuarat Malam Puisi Riong** di Balai Berita. [FOTO MUNIRA ABDUL GHANI | BH]

Kamarul Shahid bagi memeriahkan acara,” ujarnya.

Dr Mohamad Hussin berkata, pihak sengaja memilih Jumaat malam sebagai hari untuk program berkenaan berlangsung memberi peluang kepada lebih ramai khalayak dalam kalangan pelajar universiti di sekitar Bandar Baru Bangi untuk hadir sama.